

0805

U 8100 AAB
MAHATHIR - PINDA

KUALA LUMPUR, 28 OKT (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, PINDAAN-PINDAAN PERLEMBAGAAN PARTI YANG DILULUSKAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG HARI INI TIDAK BERMAKNA +UMNO TIDAK UMNO LAGI.+

+MEMANG DARI DULUPUN KITA MEMBUAT PINDAAN YANG TIDAK HENTI-HENTI...PERLEMBAGAAN NEGARAPUN KITA PINDA JUGA,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS PERSIDANGAN AGUNG KHAS BAGI MEMBINCANGKAN CADANGAN BAGI PINDAAN ITU.

PERSIDANGAN YANG BERMULA PADA 2.45 PETANG MENGAMBIL MASA 75 MINIT SAHAJA UNTUK MELULUSKAN CADANGAN ITU.

MENGENAI BAGAIMANA CEPATNYA CADANGAN ITU DILULUSKAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENJELASAN MENGENAI CADANGAN PINDAAN ITU TELAH DIBERIKAN SEMALAM DALAM PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PARA KETUA DAN PESANAI BAHASIAN.

KEBANYAKAN MEREKA YANG HADIR FAHAM MENGENAI CADANGAN PINDAAN ITU, KATANYA. BAGAIMANAPUN ADA YANG MELAHIRKAN KEBIMBANGAN KALAU-KALAU CADANGAN PINDAAN ITU AKAN MENJADIKAN PARTI KURANG DEMOKRATIK, TERUTAMANYA MENGENAI 10 UNDI TAMBAHAN KEPADA CALON-CALON PRESIDEN DAN TINDALAN PRESIDEN APABILA DICALONKAN OLEH SESEBUAH BAHASIAN. -- LAGI..

1752MST 28 10 88

0807

U 8102 AAB
MAHATHIR - PINDA 2 KUALA LUMPUR

+KITA MENJELASKAN BAHAWA KITA AKAN MENJADI LEBIH DEMOKRATIK...DARIPADA 1,500 (PERWAKILAN) SAHAJA YANG MEMBUAT KEPUTUSAN, KITA PERLUASKAN KEPADA 65,000. INI SUDAH TENTU BERMAKNA LEBIH BANYAK SUARA YANG MEMBUAT KEPUTUSAN,+ KATANYA.

PENERANGAN YANG DIBERIKAN DALAM PERJUMPAAN TERTUTUP ITU MENYEBABKAN CADANGAN ITU DILULUSKAN DENGAN MUDAH PADA PERSIDANGAN KHAS HARI INI.

KETIKA MENJAWAB SOALAN PEMBERITA SAMA ADA BENAR DAKWAAN BAHAWA ADA SUASANA TEGANG PADA PERJUMPAAN SEMALAM TERUTAMNYA MENGENAI SOAL 10 UNDI TAMBAHAN ITU, PRESIDEN UMNO ITU BERKATA, TIADA SUASANA TEGANG. CUMA ADA ANTARA YANG HADIR MELAHIRKAN KEBIMBANGAN MENGENAI PERKARA BERKENAAN.

BELIAU JUGA MENJELASKAN SEBAB DIADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP ITU. KATANYA, IA PERLU KERANA +KADANG-KADANG DALAM UMNO INI KITA TIDAK BOLEH MEMBERI PENJELASAN SECARA TERBUKA. ADA PERKARA YANG SENSITIF YANG PERLU KITA JELASKAN DALAM MAJLIS YANG TERTUTUP+. -- LAGI.

1755MST 28 10 88

0812

U 8106 AAB

MAHATHIR - PINDA 4 KUALA KUMPUR

KETUA PEMUDA UMNO DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK PULA BERKATA, BELIAU TIDAK MENYANGKA PERSIDANGAN KHAS HARI INI AKAN TAMAT SESITU CEPAT SUNGGUHPUN BELIAU YAKIN TIDAK ADA APA-APA MASALAH BAGI MELULUSKAN CADANGAN PINDAAN ITU.

KEPADA SOALAN SAMA ADA CADANGAN PINDAAN ITU BOLEH DIJADIKAN MODAL OLEH PIHAK YANG MENENTANG UMNO KONDOMNYA PERLEMBAGAAN UMNO SUDAH LARI DARIPADA YANG ASAL, BELIAU BERKATA, PERKARA ITU TIDAK HARUS DIPERSOALKAN.

CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN ITU HANYALAH BERSIFAT TEKNIKAL SEDANGKAN DASAR, FALSAFAH DAN TUJUAN PARTI TETAP SAMA.

+JIKA MADAH PERJUANGAN KITA TIDAK BERUBAH DAN KONSISTEN DENGAN YANG LAMA, MAKA UMNO LAMA DAN YANG BARU ADALAH SAMA SAHAJA,+ KATANYA.

KEPADA KETUA WANITA UMNO, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ PULA, KECEPATAN CADANGAN PINDAAN ITU DILULUSKAN HANYA MEMUNJUKKAN SEMANGAT KERJASAMA YANG ERAT DI KALANGAN ANGGOTA PARTI. -- BERNAMA.
1809MST 28 10 88

0809

U 8104 AAB

MAHATHIR - PINDA 3 KUALA KUMPUR

TIMBALAN PRESIDEN UMNO ENCIK GHAFAR PULA BERKATA PERSIDANGAN KHAS MEMBINCANGKAN PELEMBAGAAN UMNO SELESAI CEPAT KERANA TUJUAN PERLEMBAGAAN ITU ADALAH BAIK DAN IA TELAH DITELITI SEBELUM DIRANGKA.

KATANYA, BELIAU GEMBIRA YANG PARA PERNAKILAN TIDAK CERENET KERANA MEREKA TAHU +PENYAKIT-PENYAKIT DALAM PARTI,+

BELIAU BERKATA MEREKA BERPUAS HATI KERANA UNSUR-UNSUR DEMOKRASI SUDAH ADA DALAM PERLEMBAGAAN ITU.

ENCIK GHAFAR BERKATA PARA PERNAKILAN SEKARANG LEBIH SUKA MENUMPUKAN KEPADA PEMBANGUNAN DAN MENGURANGKAN BERPOLITIK.

KETUA PENERANGAN UMNO MALAYSIA, DATUK HUSSEIN AHMAD BERKATA PERBINCANGAN YANG SELESAI LEBIH CEPAT DARIPADA YANG DIJANGKAKAN ITU MENUNJUKKAN BAHAWA PERLEMBAGAAN YANG DIBUAT ITU MEMANG MEMSIKUT KEHENDAK PERNAKILAN.

BELIAU BERKATA INI JUGA MEMBUKTIKAN BAHAWA GEMBAR-GEMBUR KONDOMNYA PERLEMBAGAAN UMNO TIDAK AKAN DITERIMA OLEH PARA PERNAKILAN ADALAH TIDAK BENAR. -- LAGI.
1759MST 28 10 88